



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA  
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI PAHANG TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PAHANG**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi pula merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Seksyen 6(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107 (2) pula, laporan ini hendaklah dikemukakan dan diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang untuk dibentangkan di Dewan Negeri Pahang.
3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2019 telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 5 November 2020. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi

dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang pula telah dibentangkan pada 10 Disember 2020. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN ini telah dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada **25 Ogos 2021**, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang.

4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

**4.1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2019**

**(a) Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Secara keseluruhannya, penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

**(b) Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- i. Kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 berjumlah RM331.69 juta, iaitu meningkat sebanyak RM209.97 juta (172.5%) berbanding RM121.72 juta pada akhir tahun 2018.

- ii. Akaun Hasil Disatukan menunjukkan baki kurangan terkumpul berjumlah RM23.07 juta. Lebihan hasil tahun semasa menunjukkan peningkatan sebanyak RM177.42 juta atau 1,272.7% menjadi RM191.36 juta pada tahun 2019 berbanding RM13.94 juta pada tahun 2018.
- iii. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak RM9.18 juta atau 18% menjadi RM60.15 juta berbanding RM50.97 juta pada tahun 2018. Prestasi pelaksanaan projek RMKe-11 tahun 2019 adalah memuaskan kerana sebanyak 88 projek atau 53.7% telah berjaya disiapkan daripada 164 projek yang dirancang. Selain itu, sebanyak sembilan projek atau 5.5% sedang dilaksanakan dan 67 projek (40.8%) ditangguhkan/belum mula.
- iv. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM10.90 juta atau 5.6% daripada RM193.49 juta pada tahun 2018 kepada RM204.39 juta pada tahun 2019.
- v. Baki Hutang Awam meningkat sebanyak RM14.12 juta atau 0.5% menjadi RM3.066 bilion pada tahun 2019 berbanding RM3.052 bilion pada tahun 2018. Tunggakan Hutang Awam oleh Kerajaan negeri pada tahun 2019 ialah RM1.388 bilion.

**(c) Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- i. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini

menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- ii. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan penyata kewangan bagi kesemua 20 agensi negeri adalah pada 30 Jun 2020 berbanding 30 April 2020 sebelum ini. Setakat 15 Ogos 2020, kesemua sembilan BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Sebanyak dua penyata kewangan telah disijilkan, iaitu Majlis Sukan Pahang dan Majlis Daerah Cameron Highlands manakala 18 penyata kewangan lagi masih dalam proses pengauditan.

**(d) Pengauditan Pematuhan**

Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksanakan terhadap terimaan hasil yang melibatkan tiga jabatan/agensi negeri seperti berikut:

- i. Hasil Duti Hiburan di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang;
- ii. Hasil Duti Hiburan di Pejabat Daerah dan Tanah Bentong; dan
- iii. Terimaan Hasil Secara Elektronik di Majlis Perbandaran Kuantan.

## **4.2 LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang**

### **(a) Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri**

- i. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
- ii. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, satu pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat negeri Pahang, iaitu Pengurusan Aktiviti Pembangunan Kawasan Tanah Tinggi, Bukit dan Cerun di Daerah Bentong. Secara keseluruhannya, aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi, bukit dan cerun secara tidak langsung telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor pelancongan dan pertanian.
- iii. Namun begitu, pengurusan aktiviti ini dan pemantauan terhadap penjagaan alam sekitar tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan kerana berlaku pelanggaran syarat pembangunan di tanah tinggi. Kelemahan dalam pengurusan aktiviti pembangunan ini menjejaskan objektif bagi melindungi keselamatan manusia dan kualiti alam sekitar kerana berlakunya pencemaran air, hakisan tanah dan banjir.

## **(b) Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

- i. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
  - ii. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di negeri Pahang iaitu KYP Education Sdn. Bhd.. Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus syarikat kurang memuaskan dan memerlukan penambahbaikan antaranya dalam aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, *Standard Operating Procedures* (SOP), Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam. Pengurusan aktiviti adalah baik di mana pengambilan pelajar baharu melebihi sasaran yang ditetapkan, pencapaian akademik pelajar adalah cemerlang dan peratus bilangan pelajar bekerja selepas tamat pengajian melebihi tahap purata nasional.
  - iii. Namun begitu, tunggakan yuran pelajar menunjukkan peningkatan pada tahun 2017 dan 2018. Manakala kedudukan kewangan syarikat pula berada pada tahap kurang stabil. Ini kerana keuntungan sebelum cukai bagi tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan trend penurunan serta tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun 2018 berbaki negatif.
- 4.3 Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan

penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan sembilan syor dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang Tahun 2019. Selain itu, enam syor telah dikemukakan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. Kedua-dua LKAN ini telah dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada **25 Ogos 2021, jam 4.15 petang**. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada 26 Ogos 2021 dan orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> selepas jam **8.00 pagi**. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

25 Ogos 2021 M

16 Muharam 1443 H